



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BERAPA HARGA IDEAL BERAS?, DALAM NEGERI, UM -1 & 3 DURIAN INDUSTRY SET 'SWEET' SUCCESS, NATIONAL, THE STAR -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4.	HASIL HARUMANIS PERLIS DIJANGKA CECAH 2,000 TAN, DALAM NEGERI, UM -29 PERTANIAN MENEGAK BERPOTENSI TANGANI ISU KETERJAMINAN MAKANAN, RENCANA, BH -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	FAMA AIMS TO IMPROVE ORGANISATIONAL STRUCTURE, NATIONAL, THE STAR -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8. 9.	REZEKI LUMAYAN MUSIM UDANG SEPIT, DALAM NEGERI, UM -31 UDANG GALAH 'CEPAT LAPAR' MUSIM PANAS, NEGARA, KOSMO -15 RATIFIKASI FSA JAMIN BEKALAN STOK IKAN, BISNES, SH -27 TINGKAT JAMINAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -20 & 21	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

28/2/2024

UTUSAN
MALAYSIA

MUK DEPAN

1

● RM28, RM30 atau RM35 bagi setiap 10kg ● Beri keadilan kepada semua pihak

Berapa harga ideal beras?

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
dan **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusannews@mediamula.com.my

ARAU: Harga baharu beras putih Malaysia Madani dan import perlu ditetapkan pada paras yang ideal bagi memastikan tidak ada yang terjejas dan memberi keadilan kepada semua pihak.

Antara harga yang dicadangkan ialah RM30 dan RM35 bagi

setiap 10 kilogram (kg) dan harga tersebut dianggap realistik dalam usaha menstabilkan pasaran makanan ruij negara itu.

Selain itu, cadangan harga tersebut juga dilihat memberi situasi menang-menang kepada pengilang dan pesawah yang terkesan dengan kos operasi penanaman padi yang meningkat.

Beras putih tempatan di pasaran sekarang ini dijual pada harga

RM28 dan RM42 untuk beras import bagi setiap 10kg, dan julat harga jualan beras tempatan dan import yang agak jauh ini dibimbangi berlaku penipuan dan manipulasi beras.

Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain berkata, jika harga beras putih Malaysia Madani dijual RM30, ia dilihat sesuai untuk penum-

laan di samping mampu mem-

bantu pesawah.

"Kita sambut baik kalau kerajaan naikkan beras tempatan dari harga lantai RM2.60 setiap kg kepada RM3 kerana sudah 18 tahun tiada perubahan harga.

"Sedangkan kos input tanaman padi sudah meningkat antaranya benih padi, baja, racun dan sebagainya yang menyebabkan pesawah terpaksa tanggung risiko serta pendapatan terjejas.

"Walaupun pengguna atau ada pihak tidak setuju, harap mereka faham kerana pendapatan pesawah amat terjejas dengan kenaikan kos mendadak sejak beberapa tahun lepas. Jadi kalau naik dari RM26 ke RM30 bagi kampak 10kg itu sangat munasabah untuk permulaan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 3

28/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

3

Berapa harga ideal beras?

Dari muka 1

Semalam, Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mencadangkan beras putih Malaysia Madani bagi 10kg dijual pada harga bawah RM25.50 atau tidak melebihi RM26 supaya pelaksanaan program itu benar-benar membantu rakyat ketika kenaikan kos sara hidup.

Presidennya, Ismail Awang berkata, ia boleh dilaksanakan dengan cara harga beras tempatan RM2,250 satu metrik tan dan 80 peratus daripada jumlah itu atau RM1,800 ditanggung oleh pemborong beras.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, kenaikan harga beras tersebut diharapkan dapat menamatkan krisis beras tempatan yang kini sukar diperolehi di pasaran sejak pertengahan

tahun lalu.

“Kita harap bila naikkan harga itu akan selesai satu masalah bekalan kerana selama ini pun sebahagian besar pengguna sudah membelanjakan wang lebih untuk membeli beras import berharga kira-kira RM40 kerana tiada beras tempatan.

“Justeru apa guna lagi hendak pertahankan harga lantai RM2.60 setiap kg kalau bekalan susah hendak dapat di pasaran,” katanya.

Sementara itu, bagi golongan pesawah pula, mereka mencadangkan agar beras putih Malaysia Madani dan import bagi berat 10 kilogram diselaraskan kepada RM35.

Melalui harga berkenaan, pesawah memaklumkan harga belian padi tidak mustahil boleh mencecah RM1,800 sehingga

RM1,900 per tan dengan termasuk subsidi, mereka boleh menjana pendapatan sehingga RM2,400 sekali gus memberi sedikit ‘nafas’ kepada mereka.

Dalam masa sama, pesawah juga berharap pengguna memahami situasi semasa dengan menerima harga berkenaan mandangkan sudah 18 tahun harga beras tidak pernah naik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, kadar RM35 bagi berat 10 kilogram itu dilihat relevan dengan situasi semasa memandangkan kos mengusahakan sawah terus meningkat.

Katanya, jika beras Madani dijual pada harga RM25 atau RM26 maka harga belian padi akan turun seperti biasa sekitar RM1,300.

Justeru, katanya, golongan pesawah antara yang paling terkesan teruk jika harga beras masih terlalu rendah dan pihak kilang tidak mampu membeli padi pada harga lebih tinggi.

“Sekarang ini kenaikan kos tinggi, bagi tanaman di kawasan seluas satu hektar sekurang-kurangnya menelan kos RM5,000 berbanding dahulu sekitar RM3,000 ke RM4,000. Sebelum ini, harga racun rumput contohnya, sekitar RM50 meningkat kepada RM99 sebelum turun sedikit kepada RM70.

“Upah menuai padi juga meningkat daripada RM100 serelong kepada RM150. Jadi, jika harga beras terlalu rendah, pengilang tidak mampu beli padi dengan harga lebih tinggi sekali gus memberi kesan kepada pesawah,” katanya.

28/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

29

Cuaca panas bantu peningkatan hasil

Hasil harumanis Perlis dijangka cecah 2,000 tan

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@medianullia.com.my

KANGAR: Pengeluaran mempelam harumanis musim ini dijangka bermula seawal minggu ketiga Mac depan dijangka mencecah 2,000 tan metrik, sekali gus menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun lalu iaitu sekitar 1,243 tan metrik.

Sasaran tersebut berdasarkan potensi pengeluaran bunga pokok harumanis sebanyak 70 peratus ketika ini manakala 30 peratus pokok lagi sedang berpuak.

Peningkatan itu berikutan cuaca panas berterusan yang melanda berbanding tahun lalu apabila berlaku hujan ketika musim berbunga.

Keluasan kawasan tanaman harumanis di negeri ini adalah sebanyak 1,745,79 hektar manakala keluasan berhasil setakat Januari lalu sekitar 1,611.59 hektar membabitkan 2,693 pengusah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian negeri, Razali Saad berkata, pengeluaran harumanis apabila melihat kepada perkembangan pengeluaran bunga ketika ini.

Katanya, jika bulan depan pengeluaran bunga bertambah, hasil dijangka terus meningkat sekali gus berupaya memam-



RAZALI SAAD melihat perkembangan pengeluaran harumanis di kawasan projek kelompok di Bohor Janggus, Kangar, Perlis.

Disember tahun lalu," katanya ketika ditemui di sini semalam. Sementara itu, Razali berkata, pengeluaran harumanis sudah mencapai 30 peratus lagi sedang berpuak. Pokok harumanis mula mengeluarkan bunga pada awal

Disember tahun lalu," katanya ketika ditemui di sini semalam. Sementara itu, Razali berkata, pengeluaran harumanis sudah mencapai 30 peratus lagi sedang berpuak. Pokok harumanis mula mengeluarkan bunga pada awal

bagi membolehkan mereka berkongsi sumber dan pengetahuan, memperkuat hubungan antara pengusaha serta meningkatkan akses kepada sokongan teknikal dari agensi pertanian.

"Kita galakkan pengusaha tanam secara berkelompok bagi memudahkan mereka mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian dan mereka juga dapat mencapai hasil dengan skala lebih besar dan meningkatkan kenampuhan untuk membeli input pertanian dengan harga lebih rendah," ujarnya.

Katanya lagi, kira-kira 10 hingga 15 peratus pengusaha yang menanam harumanis secara persendirian di pekarangan rumah pula disaran membalut tempoh lapan minggu supaya kualiti buah terjamin.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Jabatan Pertanian akan mencari jalan penyelesaian cepat mungkin bagi mengawal serangga perosak baharu yang dikenal pasti menyerang tanaman harumanis di beberapa lokasi di sekitar negeri ini.

"Jabatan Pertanian telah mengenal pasti serangga perosak baharu yang mampu menjejaskan kualiti harumanis di beberapa lokasi sekitar Perlis. Kita masih mengkaji serangga perosak itu kerana terdapat tiga kes iaitu dua di Bintong dan satu di Titi Tinggi," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2024	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Pertanian menegak berpontesi tangani isu keterjaminan makanan

- Pertanian menegak ialah konsep dalam pertanian bandar merujuk penggunaan kaedah penanaman tanpa tanah dalam bangunan tinggi secara terkawal
- Bagi optimumkan pertumbuhan dan hasil, ladang menegak harus menyepadukan teknologi canggih seperti AI, automasi dan sistem kawalan iklim



Yap Kah Min, Menteri Pertanian, bhrencana@bh.com.my

Sejak berdeka lalu, Malaysia masih bergantung kepada import barang makanan dan minuman, terutama bahan mentah bagi pemrosesan makanan seperti gandum dan komoditi tenusu.

Menurut Jabatan Perangkaan, import makanan Malaysia pada 2022 berjumlah RM75.6 bilion, berbanding RM44.6 bilion dalam eksport, mengakibatkan defisit perdagangan produk makanan sebanyak RM31 bilion atau 21.3 peratus lebih tinggi daripada 2021.

Walaupun mempunyai banyak sumber asli, Malaysia amat bergantung kepada makanan import. Ini dapat dilihat melalui tahap sara diri (SSL) buah-buahan, sayur-sayuran dan produk daging semasa masing-masing pada 78.4 peratus, 44.6 peratus dan 22.9 peratus.

Di sinilah potensi pertanian menegak penting bagi keluarga bandar atau penduduk tinggal dalam bangunan tinggi seperti kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa kerana sara diri makanan di bandar, khususnya di Lembah Klang, semakin jauh berkurangan.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, konsep pertanian menegak menunjukkan pencapaian amat baik kerana kelebihanannya memberikan harapan peningkatan sara diri bagi rakyat dalam menghasilkan makanan yang boleh meringankan kos sara hidup semakin mencanak sekarang.

Pertanian menegak ialah konsep dalam pertanian bandar merujuk penggunaan kaedah penanaman tanpa tanah dalam bangunan tinggi secara terkawal. Ketika ini, pertanian menegak masih bidang penyelidikan disiplin agak baharu, tetapi mendapat daya tarikan sebagai kaedah pengeluaran makanan mampan dan cekap.

Perdekatan inovatif ini membolehkan penanaman dalam lapisan disusun secara menegak membolehkan hasil lebih tinggi dalam ruang lebih kecil berbanding kaedah pertanian tradisional. Ia diamalkan banyak negara dalam pelbagai kaedah melalui penggunaan ruang tidak digunakan seperti di bumbung, dinding dan kemudahan dalaman.

Ini membantu memaksimumkan penggunaan bangunan kediaman atau pejabat kosong, sumber tanah terhad dan mengurangkan keperluan pengangkutan, sekaligus meminimumkan kesan pelepasan karbon.

Baru-baru ini, sebuah universiti di Bangkok, Thailand menjadikan bumbung bangunan untuk ladang berkeluasan 236,806 kaki persegi sebagai hab pertanian. Ladang atas bumbung Universiti Thammasat (TURF) menggabungkan pengeluaran makanan mampan yang mana tenaga boleh diperbaharui, sisa organik, pengurusan air dan ruang awam bertukar menjadi aktiviti pertanian bandar.

Di Singapura, daerah Tampines menjadi rumah kepada ladang menegak berteknologi tinggi, dipasangi di sisi blok pangsapuri. Ladang itu dibayai Yayasan Temasek, Majlis Perbandaran Tampines, Parkwest dan Persatuan Makanan

Singapura untuk menguji dan mengkomersialkan pengeluaran sayur-sayuran serta tanaman. Ia disasar menyumbang ke arah matlamat menghasilkan 30 peratus keperluan pemakanan Singapura secara mampan menjelang 2030.

Konsep pertanian bandar ini memberi sumbangan besar kepada kebolehlaksanaan ekonomi keluarga bandar dalam menanam sayur-sayuran dan sebagainya. Dari satu segi, ia membantu meningkatkan daya tahan pada sistem makanan tempatan.

Selain itu, ia mempunyai hubungan kukuh dengan matlamat pembangunan mampan kerana menyumbang kepada pelbagai matlamat berkaitan keselamatan makanan, kesihatan, pemuliharaan air, pertumbuhan ekonomi, pambandaran mampan, perubahan iklim dan perlindungan ekosistem.

Rakyat Malaysia juga boleh mengamalkan pertanian menegak ke arah mencapai masa depan lebih mampan dan saksama. Banyak projek pertanian menegak di Malaysia menggunakan sistem hidroponik dan aeroponik. Kaedah ini sangat cekap kerana tidak memerlukan banyak air, ruang dan masa berbanding dengan teknik pertanian konvensional.

Bagi mengoptimalkan pertumbuhan dan hasil tanaman, ladang menegak Malaysia harus

menyepadukan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI), automasi dan sistem kawalan iklim. Teknologi ini membantu memantau dan mengekalkan keadaan pertumbuhan ideal, memastikan pertumbuhan dan produktiviti optimum.

Maka, pendidikan dan pembabitn masyarakat memerlukan pelbagai inisiatif untuk mendidik orang ramai mengenai pertanian menegak dan faedah-hanya harus dijalankan secara berikala.

Perluas ilmu pertanian menegak

Bengkel, seminar dan demonstrasi perlu dianjurkan untuk menggalakkan penduduk kediaman bertingkat mengamalkan pertanian menegak. Selain itu, projek komuniti dan kerjasama dengan sekolah akan membantu meningkatkan kesedaran dan mempromosikan pertanian menegak sebagai penyelesaian berdaya maju dalam menangani isu keterjaminan makanan.

Namun, sokongan kerajaan amat penting dalam menjadikan pendekatan ini satu realiti sebagai sebahagian daripada usaha menangani peningkatan kos sara hidup masa kini. Oleh itu, dasar dan insentif khas daripada kerajaan perlu diperkenalkan untuk menggalakkan penyelidikan, inovasi dan pelaburan dalam sektor ini.

Pertanian menegak berpotensi menyumbang secara signifikan ke arah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan tahap sara diri dalam pelbagai cara.

Menandarkan ia memberi hasil tanaman lebih tinggi di ruang lebih kecil, kaedah ini membolehkan Malaysia mengeluarkan lebih banyak makanan dalam negara. Ini boleh menyebabkan penurunan dalam pergantungan negara terhadap import makanan, seterusnya meningkatkan tahap sara diri, mengurangkan defisit perdagangan dan meningkatkan KDNK.

Maka, penggunaan teknologi inovatif dan amalan mampan dalam pertanian menegak perlu diterapkan dan dalam hal ini, kerajaan perlu menarik pelabur asing untuk bekerjasama atau melabur dalam sektor semakmberkembang ini. Usaha ini boleh membawa pemindahan pengetahuan, kemajuan teknologi dan aliran masuk modal tambahan.

Apa yang penting, pertanian bandar mampan ini boleh meningkatkan keterjaminan makanan dan sistem makanan negara, selain mendorong pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Kenaikan harga barang dan perkhidmatan, aliran menurun berterusan dalam nilai ringgit dan pelbagai isu lain memberi kesan kepada ekonomi pengguna semua pada masa ini, seharian menyedarkan kita bahawa pertanian menegak adalah penyelesaian berdaya maju dalam mengatasi isu keterjaminan makanan kita.

Bagaimanapun, terdapat keperluan kerajaan memperuntukkan dana mencukupi bagi pelaksanaan dan operasi keseluruhan sistem pertanian menegak. Kerjasama antara agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan institusi swasta akan membantu mempromosikan pertanian menegak dan paling penting, mewujudkan kesedaran orang ramai tentang konsep pertanian ini.



BY ORANA MARILLA MOHD RASHIDI
 orana@thestar.com

PETALING JAYA: The durian industry in the country is expected to experience significant growth in the global market, reaching RM296.4 billion by 2025, according to a report by the Malaysian Durian Industry Association (MDIA).

This represents a substantial increase from the RM118.53 billion recorded in 2022, said Agriculture and Food Minister Datuk Anthony Joseph Kirup.

Celebrating its 10th anniversary on Monday, Kirup said the Malaysian durian industry has become a significant contributor to the country's economy.

"In recent years, we have seen remarkable growth in durian production," Md Kirup pointed out.

Malaysia produced 485,458 metric tons of durian and this number is expected to grow to 506,853 metric tons by 2025.

The durian industry's annual growth rate of 7.2% from 2023 to 2025 of the durian industry offers a world of opportunity for Malaysia," he added.

He added that the growing number serves as a clear indicator of the potential and vitality of the durian industry.

MDIA president and CEO said with the majority of durian plantations dedicated to premium varieties like "Musang King", the country has carved out a unique niche in the international market.

Durian industry set for 'sweet' success

Focusing on quality over quantity resonates with global consumers paving way for Malaysia to be key exporter: Deputy Minister

It said the focus on quality over quantity resonates with global consumers, enhancing Malaysia's reputation as a premium durian exporter.

MDIA said Malaysia is positioned to lead the global durian market with the renowned "Musang King" variety, and burgeoning technologies will significantly enhance its market presence.

"Malaysia's durian exports have shown a commendable increase in value, reaching RM1.23 billion by the end of 2023, with a growth of 186% compared with 2019."

"This is a clear signal of increasing global demand and Malaysia's rising prominence as a key durian exporter," he said.

He said exporting durians presents a valuable opportunity for Malaysia to generate revenue and boost its agricultural sector.

The Durian Manufacturer Association (DMA) also highlighted the industry's challenges, including competition from producers in Thailand, Vietnam, and Indonesia, while maintaining the quality and pricing of durian is crucial, Chan said.

The DMA also highlighted the signing of a Memorandum of Understanding for the Kuala Lumpur Durian Festival 2024 with Exhacive Chartered Air Cargo Brokers.

Chan said the MOU signifies a milestone for the association and heralds a new era of growth and innovation for the durian industry.

association and uniting durian farmers has not been easy, but they persevered.

Each company, the numbers have evolved into trusted allies and are united in advancing the industry.

Chan noted that the association has 11 members consisting of durian farmers and product manufacturers, who collectively command over 75% of the durian market.

The primary challenge for the industry revolves around competition from producers in Thailand, Vietnam, and Indonesia, while maintaining the quality and pricing of durian is crucial, Chan said.

The DMA also highlighted the signing of a Memorandum of Understanding for the Kuala Lumpur Durian Festival 2024 with Exhacive Chartered Air Cargo Brokers.

Chan said the MOU signifies a milestone for the association and heralds a new era of growth and innovation for the durian industry.



MINIATURE BEAUTY — Durian Alphonso Sultan 27, referring to her as the durian which she gets at a cafe in Jalan Lings, Sultanah Nurjannah (left) in north Klang, Selangor. — **BARBARA WONG**

Fama aims to improve organisational structure

KUALA LUMPUR: Improving the organisational structure of the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) is among 12 efforts listed in the agency's direction for the 2023 to 2026 period.

Agri-preneurship, Abdul Rashid Bahit, said this was to ensure that the agency's leadership is on the right track in line with the era of digitalisation.

Fama is 59 years old this year, so we will see a change of leadership. Fama is 59 years old this year, so we will see a change of leadership. Fama is 59 years old this year, so we will see a change of leadership.

between the old generation and the young generation in these two years.

Abdul Rashid said Fama will also focus on improving the 'Marketers' Registration, Regulations and the Marketing Partner Contract to ensure the industry is more geared towards Artificial Intelligence.

Fama will also intensify efforts to help youth venture into agriculture through the New Breed Market Entrepreneur and the Marketing Partner Contract to improve their adaptation towards digitalisation.

Fama will also continue to work with the industry to implement about 720 sales seasons," he said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



NELAYAN darat menaikkan udang daripada belat yang dipasang di muara Sungai Perak di Teluk Intan baru-baru ini. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Rezeki lumayan musim udang sepit

Oleh AIN SAFRE BIDIN
utusannews@mediamulla.com.my

TELUK INTAN: Muara Sungai Perak di sini yang terkenal sebagai lubuk udang menjadi tumpuan ketika ini kerana ia musim udang galah.

Selain nelayan darat, muara sungai tersebut menjadi tumpuan kaki pancing yang memancing udang galah terutama udang galah sepit biru, yang harganya tinggi.

Tinjauan mendapati antara kawasan yang menjadi tumpuan ialah di kawasan jeti tepian udang sepit biru, kawasan yang dibangunkan pada tahun 2000 sebagai kawasan

memancing dan menangkap udang galah.

Selain memancing, ada juga yang menangkap udang menggunakan sejenis perangkap dinamakan belat.

Bagi kaki pancing, ada yang datang dari jauh untuk memancing di lubuk udang di muara sungai Perak semasa musim udang ketika ini.

Ketua Komuniti Perikanan di sini, Sayed Azman Sayed Ahmad, 54, berkata, selain menambah pendapatan semasa musim udang, komuniti perikanan di sini dapat menambah pendapatan menerusi bot sewa kepada kaki pancing.

Katanya, kehadiran pengun-

jung di jeti udang galah tersebut semakin bertambah khususnya pada cuti umum dan hujung minggu.

Menurutnya, selain lubuk udang, bandar Teluk Intan terkenal kerana menawarkan pelbagai masakan berasaskan udang segar dari Sungai Perak.

Difahamkan, udang sepit biru yang masih hidup boleh mencecah harga RM100 sekilogram, yang sudah mati RM90 manakala gred B dan C RM75 sekilogram.

“Kawasan ini menjadi tumpuan peraih udang dari luar terutama dari Selangor yang membeli udang sepit biru,” katanya.

Nelayan peroleh tangkapan lumayan

Udang galah 'cepat lapar' musim panas

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT — Keadaan cuaca panas pada masa ini yang menyebabkan udang galah semakin 'lapar' dan mudah makan umpan membolehkan nelayan Sungai Tembeling meraih jumlah tangkapan yang banyak.

Nelayan sungai, Ahmad Omar, 59, berkata, kawasan perairan dan lubuk berdekatan kampung itu merupakan habitat udang galah yang lumrahnya dapat ditangkap ketika cuaca panas dan air cetek.

"Air sungai surut selepas musim tengkujuh bulan lalu, saya turun ke sungai ini, lagi pun saya tidak lagi menoreh getah kerana harganya tidak menentu.

"Kebiasaannya saya memasang jaring untuk menangkap ikan liar seperti ikan patin, ikan lawang, ikan baung dan sebagainya, tetapi saya memilih untuk memancing sambil berharap memperoleh rezeki untuk juadah tengah hari dan sekiranya berlebihan bolehlah dijual," katanya di Kampung Pagi dekat sini semalam.

Menurut Ahmad, dengan keadaan cuaca yang panas, dia amat teruja apabila memperoleh 15 kilogram udang galah ketika memancing di Lubuk Lompat dan Lubuk Lenting pada sebelah petang.

Dia yang berpengalaman sebagai nelayan sungai selama 20 tahun berkata, tangkapan udang galah itu hanya menggunakan umpan cacing tanah.

"Sememangnya udang galah menjadikan habitatnya di kawasan lubuk dan berbatu, manakala kebiasaannya ketika air



AHMAD menunjukkan udang galah yang berjaya ditangkap di Kampung Pagi, Jerantut semalam.

sungai surut (selepas banjir) atau waktu kemarau, hidupan ini (udang) keluar mencari makanan," katanya.

Tambahnya, hasil tangkapan kira-kira 15 kilogram dijual kepada pengusaha pusat inap desa dan restoran di Taman Negara Kuala Tahan dengan harga RM80.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kemakmuran Kampung (JKKK) Pagi, Mi Hamidi Nipah, 56, berkata, Kam-

pung Pagi antara salah sebuah destinasi pelancongan di Ulu Tembeling yang menjadi tumpuan pelawat domestik untuk memancing ikan air tawar termasuk udang galah.

Katanya, selain penduduk, ada pengunjung yang datang bermalam di pusat inap desa di situ turut turun memancing di Sungai Tembeling semata-mata untuk menangkap udang galah ketika air surut.

28/2/2024

SINAR
HARIAN

BISNES

27



INDUSTRI

Tengku Zafrul (tengah) menghadiri Persidangan Perdagangan Menteri WTO ke-13 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu pada Selasa.

Ratifikasi FSA jamin bekalan stok ikan

Malaysia ratifikasi perjanjian WTO mengenai subsidi perikanan

KUALA LUMPUR

Malaysia telah meratifikasi Perjanjian Subsidi Perikanan (FSA) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang merupakan usaha global bagi membendung subsidi perikanan yang berbahaya dan melindungi stok ikan.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, Malaysia menyertai 68 ahli WTO lain yang telah bersetia meratifikasi FSA.

Bellau ketika ini menghadiri Persidangan Peringkat Menteri WTO

Ke-13 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu, di mana FSA telah diratifikasi.

Jelasnya lagi, ratifikasi itu menunjukkan komitmen Malaysia terhadap kerjasama global dan perundangan yang bertanggjawab terhadap lautannya.

"Saya menggesa semua ahli (WTO) yang lain untuk menyertai kami dan mempercepatkan proses ratifikasi domestik mereka serta menyumbang kepada pemeliharaan biodiversiti marin dan mata pencarian berjuta-juta orang yang bergantung kepada penangkapan ikan."

"Tindakan dan komitmen kita hari ini akan memastikan masa depan lebih baik untuk anak-anak kita," kata Tengku Zafrul dalam kiriman media sosial pada Selasa.

Diguna pakai pada Jun 2022, FSA menanganai ancaman utama kepada laut dan menggagalkan amalan penangkapan ikan yang mampan. Ia adalah langkah ampuh ke arah

menghapuskan penangkapan ikan secara haram, penangkapan ikan tidak dilaporkan dan tidak dikawal (IUU) yang menyumbang kepada penangkapan ikan berlebihan dan secara keseluruhan memelihara keseimbangan ekosistem marin.

Tengku Zafrul berkata, FSA juga akan memastikan sebarang subsidi terhadap aktiviti perikanan yang dilakukan negara anggota adalah telus dan bertanggungjawab.

"Ketelusan ini memupuk amalan menangkap ikan yang bertanggungjawab dan membolehkan pemantauan pematuhan berkesan," katanya.

Jelas bellau, WTO akan menubuhkan bantuan teknikal dan program pembinaan kapasiti bagi membantu negara membangun serta kurang membangun menyepadukan elemen kemampan ke dalam dasar mereka, sekali gus mengukuhkan sistem pengurusan perikanan negara berkenaan. - *Bernama*

Tingkat jaminan makanan negara

Usaha syarikat pemula tempatan mencipta penyelesaian inovasi, teknologi

Oleh DIANA AZIS

Pembangunan usahawan pemula adalah penting bagi visi Malaysia untuk berada dalam kalangan 20 negara maju menjelang tahun 2030. Mengedukasi usahawan pemula menjadikan Kuala Lumpur sebagai hub syarikat pemula dan industri digital serantau.

Ageni berkaitan, organisasi dan syarikat korporat tempatan turut memperkenalkan pelbagai program, platform, latihan dan positif kepada pembangung ekosistem syarikat pemula dalam negara.

Perkembangan positif hasil usaha ini dapat dilihat apabila syarikat-syarikat pemula tempatan kini semakin berani menguji idea inovatif mereka dalam era digital dengan menawarkan pelbagai penyelesaian inovatif dan komersial, yang turut berupaya membantu menangani isu-isu yang dihadapi oleh negara.

Antaranya adalah tiga syarikat pemula tempatan yang kini tampil menyediakan penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran

perubahan iklim untuk keselamatan makanan di Malaysia. Pemula ini, Syarikat BrainTree Technologies Sdn Bhd (BrainTree), Kaptani Sdn Bhd (Kaptani) dan AgriData Portal Sdn Bhd (AgriData) juga adalah pemenang geran Cabaran Inovasi Usahawan dan Nasional (KIUC) yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian, Kanan dan Negeri.

KIUC 2023 menandakan penglibatan syarikat pemula agrikultur dan PMKS yang inovatif untuk menangani secara aktif permasalahan yang berpunca daripada perubahan iklim terhadap sektor agrikultur. KIUC juga mengedukasi syarikat pemula AgriData dan Kaptani menerima geran sehingga RM500,000 manakala AgriData menerima geran sehingga RM400,000.

Pada 2022, Malaysia berada di tangga ke-41 daripada 113 buah negara yang dinilai dari segi Indeks Keterjaminan Makanan Global (GFSI).

Skor Malaysia yang rendah dalam metrik kemampuan dan penyelesaian GFSI menekankan keperluan untuk mencari penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran berkaitan perubahan iklim dalam industri agrikultur.

Selari dengan ini, wujud kepentingan yang semakin meningkat terhadap keselamatan makanan dan penyelidikan syarikat tempatan untuk turut serta dalam usaha menangani penyelesaian.



Aplikasi yang dibangunkan Kaptani membantu pihak berkepentingan membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan lengkap.

INFINITY 01

Bagi BrainTree, yang berfokus kepada penyelesaian kuno utama teknologi merupakan kunci utama kepada kejayaan sesebuah industri. Atas prinsip tersebut, BrainTree yang diasaskan oleh Aif Mahdzir, 37, selaku Ketua Pegawai Eksekutif telah berupaya melahirkan inovasi Infinity 01, sebuah aplikasi yang bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan keselamatan operasi di samping menangani kekurangan tenaga buruh.

Aif yang merantau selama tujuh tahun di Kanada dan bekerja sebagai jurutera sistem dalam sebuah syarikat teknologi di Toronto, ON merupakan robot pandu sendiri yang mampu menjadi pekerja yang fleksibel dan serba boleh serta melakukan pelbagai jenis tugas sekali gus membantu pemain industri menangani keadapalan tenaga buruh yang dihadapi pada terutamanya ketika pasca Covid-19.

"Kami (BrainTree) bermula dengan aktiviti membaja dan robot berkeayaan akan mengubah cara kerja dan ia boleh dikawal menggunakan telefon bimbit. Untuk membina teknologi khusus satu alternatif baharu yang mampu memberi impak tinggi, sekali gus memantapkan teknologi robotik dalam revolusi pertanian negara,"

katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini. Manifes yang merfleksikan bimbingan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) sejak tahun 2018 memulau dana yang besar untuk membangunkan rangkaian produk teknologi untuk digunakan dalam industri perladangan.

"Dengan goren yang diperoleh melalui projek ini, kami mampu menghasilkan produk-produk dan AI lain dalam menjahit sekuriti makanan dalam negara," ujarnya.

Aplikasi TaniOS, Analtik dan TaniPASAR

Terdapat tiga aplikasi primer atau TaniOS, Analtik dan TaniPASAR memiliki potensi besar yang mampu meningkatkan kecekapan pengurusan aktiviti sektor pertanian dan memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara. TaniOS adalah aplikasi yang membantu meningkatkan produktiviti dan taraf hidup petani melalui kelerengungan kewangan serta penyelesaian berasaskan teknologi. "Kami (Kaptani) berusaha memperkembangkan platform perniagaan digital yang boleh diakses oleh petani sebagai sumber kewangan, teknologi serta platform pertanian digital yang boleh menangani jurang kewangan teknologi.

"Matlamat kami adalah menghidupkan semula industri

pertanian dan mengubahnya menjadi sektor yang menawarkan peluang pekerjaan dan memberi insentif kepada petani untuk meningkatkan keselamatan makanan," kata Pengasas bersama Kaptani, M Nazul Hazri Nazrinuddin. Menggulus mengenai platform digital berkenaan, Nazul Hazri menjelaskan, tiga aplikasi tersebut menawarkan solusi kepada masalah maklumat yang sering dihadapi dengan pembal selain meningkatkan pembayasan untuk meningkatkan pendapatan.

Di samping itu katanya, aplikasi tersebut menyediakan



BrainTree Technologies Sdn Bhd (BrainTree) dan AgriData Portal Sdn Bhd (AgriData) juga adalah pemenang geran Cabaran Inovasi Usahawan dan Nasional (KIUC) yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian, Kanan dan Negeri.

diakur berkepentingan dengan data yang diwujudkan membuat keputusan berdasarkan maklumat. Secara spesifik, TanIOS dan Analitik merupakan aplikasi berasaskan web untuk pengurusan adang, perancangan, penyediaan rekod dan Slim (myCAP).

SINAR HARIAN, tu, aplikasi danPASAR pula, merupakan platform pemasaran antara pengguna dan petani. Dalam pada itu, Nazrul Hazri merancang untuk memantapkan KRIC 2023 daripada KRIC 2022. Nazrul Hazri menghimpunkan kepakaran dan polisi yang sedia ada di samping melaksanakan pemasaran serta promosi.

"Kaptani akan mendapatkan sokongan balas daripada pengguna pada masa depan. Bakal pengguna untuk memantapkan aplikasi dan pendapatan dan pengeluaran hasil.

platform berkenaan memenuhi keperluan serta kehendak mereka, ujarnya yang turut mendapat perhatian. Sebagai pemangku, Nazrul Hazri memastikan anak temah bertukar tergi, pembungkusan yang betul dan mampu memantangkan jangka hayat produk di rak-rajuan.

Menurutnya, ketiga-tiga platform tersebut memudahkan para petani untuk memfokuskan kepada aktiviti mereka sepanjangnya tanpa perlu bimbang dengan akses pasaran, pendapatan dan pengeluaran.

sekali gus membesarkan aktiviti mereka pada tahap yang lebih baik.

Sejajantara itu, platform AgriData diwujudkan sebagai pusat data untuk memastikan anak temah bertukar tergi, pembungkusan yang betul dan mampu memantangkan jangka hayat produk di rak-rajuan. Menurutnya, ketiga-tiga platform tersebut memudahkan para petani untuk memfokuskan kepada aktiviti mereka sepanjangnya tanpa perlu bimbang dengan akses pasaran, pendapatan dan pengeluaran.

Menurutnya, ketiga-tiga platform tersebut memudahkan para petani untuk memfokuskan kepada aktiviti mereka sepanjangnya tanpa perlu bimbang dengan akses pasaran, pendapatan dan pengeluaran.

INFO:

BRANITREE TECHNOLOGIES SDN BHD

- Teknologi dibangunkan: Jamalulabid, Pakru, Anali, JINPRIT YOTI, Kapsuair.
- Melaksanakan projek dalam membuat bayi tanaman.
- Meningkatkan kos operasi ladang.
- Meningkatkan kecekapan pengeluaran ladang.

KAPTANI SDN BHD

- Pengasas bersama: M.Nazrul Hazri, Nazrul Hazri.
- Teknologi dibangunkan: Aplikasi TanIOS, Analitik dan TanPASAR.
- Aplikasi TanIOS dan Analitik.
- Pemantapan digital untuk pengeluaran, pemasaran, penyediaan rekod ladang dan pelaporan.

AGRI DATA PORTAL SDN BHD

- Pemangku: M.Nazrul Hazri, Matthew, Jimmy Kullu.
- Teknologi dibangunkan: Platform Ag Fund, Ag Spak dan Ag Market.
- Ag Fund.
- Membantu dalam merapatkan pendapatan dan pengeluaran petani.
- Ag Spak sebagai suar-pual untuk memuatkan anak temah bertukar tergi dan pembungkusan yang betul bagi meningkatkan jangka hayat produk.
- Ag Market.
- Sebagai pengedaran hasil tanaman.

KRIC 2023

- KRIC 2023 adalah inisiatif di bawah Dana Impak, salah satu tonggak utama di bawah strategi Memajukan Malaysia yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Agribusiness.
- KRIC 2023, dengan tema "Merenggan, Cabaran dalam Kereaktifan Mekanik di Malaysia", menitik beratkan syarikat pemuliharaan agrikultur dan PKMS yang inovatif untuk mengaitkan pemuliharaan yang berpancainilai kepada perubatan dan hasil agrikultur.

DANA IMPAK

- Dana Impak adalah perwujudan RM10 bilion untuk tempoh lima tahun, yang akan digunakan untuk memajukan sektor pertanian dan agribusiness dalam pelaksanaan operasi yang berkesan.
- Tumpuan kepada mempromosikan teknologi dan cabaran yang dihadapi agrikultur Malaysia Digital dan hab Teknologi, Inovasi dan Kecekapan.
- Dana Impak akan mempromosikan sektor pertanian dan agribusiness di seluruh negara.
- Dana Impak juga mengutamakan pencapaian nilai sosial dan ekonomi secara jangka panjang untuk rakyat Malaysia.



Nazrul Hazri selaku pemangku memantapkan KRIC 2023 untuk mempertingkatkan kemampuan aplikasi yang sedia ada selaras dengan promosi.



Melalui inisiatif ini, diharapkan dapat meningkatkan produktiviti petani dan agribusiness di seluruh negara.



Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Nazrul Hazri bersama Timbalan Menteri Tabung (dua dari kiri) menjinjau projek ladang kolaborasi AgriData di Sabah.